

PENGGUNAAN UNSUR BUNGA-BUNGAAN PADA

HIASAN KEPALA MASYARAKAT MELAYU

Oleh :

JUHaida BT KASIM

92389030

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka, Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka bagi Jabatan Fesyen.

Dekan

Kajian Senilukis dan Senireka

Institut Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Terlebih dahulu saya ingin memanjat setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wataala dengan limpah rahmat dan izin Nya maka dapat saya melaksanakan penulisan tesis ini dengan sebaik mungkin. Berkat petunjuk daripada Allah s.w.t. disamping nasihat dan tunjuk pensyarah terbabit dan paling tidak dapat saya lupakan adalah segala sokongan samada moral dan sebagainya daripada keluarga tersayang yang amat prihatin.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada semua penyarah terbabit. Ribuan terima kasih kepada En. Najib Mohd Nor, Cik Kalsom Muda yang mambantu saya menyelaraskan pemilihan tajuk tesis. Nasihat berguna dalam pencarian dan pengumpulan bahan dan membuat skop pengkajian yang lebih tepat dan jelas.

Penghargaan khusus dan ucapan terima kasih kepada penasihat utama saya iaitu En. Anas Musavir selaku penasihat utama yang telah banyak menolong saya didalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan nasihat dan galakkan amatlah saya hargai.

Penghargaan istimewa buat keluarga yang sentiasa menjadi tulang belakang kepada saya dalam meneguhkan semangat perjuangan didalam menempuh segala keruncingan didalam pembelajaran sehingga kini. Dorongan, bantuan dan bimbingan benar-benar memberikan saya kekuatan untuk menempuh segala dugaan.

SINOPSIS

Hiasan kepala merupakan sebahagian daripada pelengkap dalam pakaian. Bukan setakat baju sahaja, ianya juga termasuk perhiasan di bahagian kepala, tangan dan kaki. Semua ini dapat didefinisikan sebagai termasuk salah satu aspek tambahan dalam fesyen pakaian.

Bunga memainkan peranan yang penting dalam Masyarakat Melayu pula dijadikan subjek utama untuk memperkembangkan idea dalam penghasilan hiasan kepala sekaligus dimasukkan dalam pakaian supaya berpadanan dengan hiasan kepala yang dihasilkan.

Pengkajian merangkumi penyelidikan ke atas sejarah awal hiasan kepala Masyarakat Melayu dan kaum Asli di Malaysia. Kaum Asli di Malaysia merupakan penduduk asal turun temurun. Mereka ini memang terkenal dengan pengekalan kesenian tradisi silam. Contoh penting yang patut diteladani disini pengekalan pemakaian bunga-bunga samada di rambut dan juga diselitkan dicuping telinga sebagai perhiasan masih dikekalkan sehingga ke hari ini.

Perhiasan kepala berkembang secara berperingkat-peringkat dipengaruhi aspek keagamaan, kebudayaan adat resam keturunan, pengaruh pemimpin dan pemerintah pada masa itu serta pengaruh-pengaruh lain samada disadari ataupun tidak. Pengaruh tersebut akhirnya membentuk suatu bentuk kesenian yang kini menjadi kebanggaan masyarakat sehingga kini.

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

Halaman pemeriksa	I
Penghargaan	II
Sinopsis	IV
Senarai sisipan	X
Isi kandungan	XI
Bab 1	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Sejarah Awal Hiasan Kepala	2
1.2 Sejarah Hiasan Kepala Masyarakat Melayu;	4
1.2.1 Pengaruh keagamaan	4
1.2.2 Pengaruh Kebudayaan	14
1.2.3 Pengaruh Zaman Kesultanan Melayu	21
Bab 2	
2.0 Fungsi Hiasan Kepala Dalam Masyarakat Melayu	37
2.1 Tudung Sebagai Hiasan Kepala	38
2.2 Sanggul Sebagai Hiasan Kepala	46
2.3 Perhiasan Barang Kemas Lain Sebagai Pelengkap	70

PENGENALAN

Penggunaan hiasan kepala didalam Masyarakat Melayu antara lain mempunyai nilai kesenian tersendiri yang perlu dipertahankan. Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang mempunyai keistimewaan keperibadian yang unggul. Masyarakat Melayu adalah menggambarkan suatu lambang keperibadian masyarakat Timur yang amat terkenal dengan perilaku penuh kesopanan, menghormati antara satu sama lain, bersikap suka bantu-membantu dan berkerjasama.

Perhiasan kepala dalam masyarakat Melayu boleh dikatakan meluas semenjak dahulu sehingga sekarang ini, cuma perbezaannya hiasan kepala pada masa sekarang lebih ringkas dan praktikal. Hiasan kepala pada masa dahulu pula semakin pudar. Tetapi usaha untuk mempertahankan warisan kesenian silam masih terus dilaksanakan, supaya masyarakat Melayu tidak hilang identitinya, mengenali asal-usul keturunan.

Pelbagai usaha dibuat untuk mengawal kesenian ini agar tidak luput ditelan zaman, segalanya terkubur begitu sahaja tanpa disedari. Keperihatinan badan-badan yang terlibat patutlah dihargai masyarakat hari ini. Jasa-jasa pihak muzium dan pihak lain yang terbabit sama memberikan kita peluang keemasan untuk menghayati keunggulan kesenian lampau yang mengagumkan. Pameran yang diadakan dapat menyingkap keunikan hasil tangan masyarakat Melayu dahulu yang masih unggul sehingga kini.